

NAMA:

TINGKATAN:

1249/1
Sejarah
Kertas 1
1 jam

1249/1

Nov 2022



NAMA SEKOLAH

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SEJARAH TINGKATAN 5**

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Arahan

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

1. Apakah tugas utama Bendahara dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menguruskan kegiatan perdagangan
- B Mengutip cukai di pelabuhan
- C Menjadi ketua pentadbir
- D Melantik pembesar

2. Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua, iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah.

Siapakah yang tergolong sebagai golongan pemerintah?

- I Ulama
- II Tentera
- II Peniaga
- I
- I Pembesar
- V
- I dan II
- A I dan IV
- B
- C II dan III
- D III dan IV

3. Nasionalisme membawa maksud perasaan cinta akan negara.

Apakah yang ingin dicapai melalui gerakan nasionalisme?

- I Membina negara bangsa
- II Melahirkan identiti sendiri
- II Memperbaiki sistem ekonomi
- I
- I Menghalang pemberontakan
- V
- I dan II
- A I dan IV
- B II dan III
- C III dan IV
- D

4. Revolusi Amerika berakhir pada tahun 1783 apabila British mengakui kemerdekaan Amerika.

Apakah corak pemerintahan yang diperkenalkan oleh Amerika?

- A Demokrasi
- B Republik
- C Monarki
- D Feudal

5. Perang Dunia Pertama telah berlaku pada tahun 1914 hingga 1918.

Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

- A Pengeboman Britain
- B Krisis Rantau Balkan
- C Kemunculan ideologi baharu
- D Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat

6. Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919.

Mengapakah Jerman tidak berpuas hati terhadap perjanjian tersebut?

- A Tercetus perang saudara
- B Kehilangan tanah jajahan
- C Dilarang memiliki angkatan perang
- D Terpinggir daripada perkembangan ekonomi

7. Pembentukan Malayan Union memerlukan persetujuan Raja-Raja Melayu.

Siapakan pegawai British yang telah dilantik untuk menjayakan misi tersebut?

- A Ralph Hone
- B Frank Swettenham
- C George Henry Hall
- D Harold Mac Micheal

8. Pada 1 Julai 1946, Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Penyerahan ini mendapat tentangan hebat daripada masyarakat tempatan.

Apakah bentuk penentangan yang dilancarkan oleh golongan tersebut?

- I Membunuh semua Pegawai British yang bertugas
- II Menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri British
- III Peletakkan jawatan secara beramai-ramai oleh kakitangan kerajaan
- IV Menggunakan akhbar *Utusan Melayu* untuk menyebarkan tentangan
- V

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Siapakah yang menjadi wakil Raja-Raja Melayu dalam penubuhan Jawatankuasa Kerja pada tahun 1946?

- A Dato Onn Jaafar
- B Haji Megat Yunus
- C Tunku Abdul Rahman
- D Dato'Nik Ahmed Kamil Mahmud

10. Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah membentuk sebuah Majlis Raja-Raja.

Apakah kuasa majlis tersebut?

- A Memberikan pandangan dalam perkara tertentu
- B Mengesahkan keputusan Pesuruhjaya Tinggi
- C Mengetuai Majlis Perundangan Persekutuan
- D Meluluskan semua pindaan perlembagaan

11. Mengapakah kemasukan pengaruh komunis tidak diterima oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu?

1

- A Menjatuhkan imej negara
- B Mengutamakan kaum tertentu sahaja
- C Mengenenpikan kepentingan pembesar tempatan
- D Menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat

12. British melancarkan Perang Saraf bagi menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Bagaimanakah langkah tersebut dilaksanakan?

- I Menawarkan hadiah wang tunai
- II Melonggarkan syarat kerakyatan
- III Melaksanakan perintah berkurung
- IV Memberikan tawaran pengampunan
- V

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Mengapakah Dato' Onn Jaafar berpendapat penubuhan agensi berikut adalah wajar?

Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) ditubuhkan pada tahun 1950 untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu
--

- A Pemberian kerakyatan yang longgar
- B Peningkatan kemasukan orang asing
- C Kedudukan istimewa pribumi terjejas
- D Kawalan terhadap kuasa politik Melayu

14. Bagaimanakah Sistem Ahli dapat memperkukuh perpaduan rakyat?

- A Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
- B Undang-undang antiperkauman digubal
- C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
- D Mewajibkan penggunaan Bahasa Kebangsaan

15. Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Berumur 21 tahun ke atas
- II Fasih berbahasa Inggeris
- III Berkhidmat dalam perkhidmatan awam
- IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri.

Tahun	1954
Keputusan	Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 228 kerusi yang dipertandingkan.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada kemenangan tersebut?

- A Kejayaan kerjasama pelbagai kaum
- B Pelaksanaan pilihan raya adalah telus
- C Sokongan rakyat terhadap kemerdekaan
- D Kewibawaan calon menjadi pilihan utama


17. Apakah kepentingan Suruhanjaya Reid dalam penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka ?

- I Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- II Menerima pandangan daripada penduduk
- III Menentukan tarikh sebenar kemerdekaan

IV Melantik jawatan penting

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Rajah berikut merupakan antara pihak yang terlibat dalam memberi cadangan memorandum perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X ?

- A UMNO
 - B Orang dagang
 - C Residen British
 - D Raja-raja Melayu
19. Apakah takrif kemerdekaan menurut Kamus Dewan ?
- A Kekuatan menentang musuh
 - B Kebebasan daripada penjajahan
 - C Kemampuan menguasai ekonomi
 - D Kekuasaan menentukan kepercayaan
20. Apakah nilai yang boleh diambil daripada Jawatankuasa Sambutan dalam pemasyhuran kemerdekaan negara ?
- A Rajin
 - B Kreatif
 - C Kerjasama
 - D Jimat cermat
21. Penyataan berikut merupakan antara tafsiran berkaitan kedaulatan.

“Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat”

Political Awakening, Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn. Bhd

Siapakah tokoh yang telah membuat tafsiran tersebut?

- A Ibn Khaldun
- B Tun Dr. Salleh Abas
- C Dr. Ismail Abdul Rahman
- D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

22. Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya. Malaysia juga mempunyai ciri yang menjadi identitinya.

Apakah ciri negara yang berdaulat?

- A Mempunyai sempadan
- B Mempunyai kemakmuran ekonomi
- C Mempunyai kekuatan angkatan tentera
- D Mempunyai kuasa politik unggul di dunia

23. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan serta mempunyai dua ciri utama iaitu tradisional dan moden bagi kestabilan serta kemajuan negara.

Apakah ciri moden dalam perlembagaan Persekutuan?

- A Agama Islam
- B Bahasa Melayu
- C Kewarganegaraan
- D Pemerintahan Beraja

24. Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 melibatkan tiga perkara iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

Siapakah yang melantik Yang di-Pertua Negeri?

- A Yang di-Pertuan Agong
- B Mahkamah Persekutuan
- C Mahkamah Tinggi Borneo
- D Ketua Hakim Sarawak dan Sabah

25. Undang-undang berikut diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kepentingan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Penerusan raja berkuasa mutlak
- B Pelaksanaan sistem demokrasi
- C Pengamalan Raja Berperlembagaan
- D Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Agong

- 26 Pernyataan berikut berkaitan sistem pentadbiran di negara kita.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan sejak merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara

Bagaimanakah sistem tersebut mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara?

- I Rakyat berkuasa membentuk kerajaan
 - II Kebebasan mutlak dijamin perlembagaan
 - III Dominasi satu parti menguasai pentadbiran
 - IV Kuasa raja mengimbangi amalan demokrasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem pentadbiran Persekutuan di negara kita.

Tahun	Sistem Pentadbiran
1896	Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
1927	Penstrukturan Majlis Perundangan Persekutuan
1946	Penubuhan Malayan Union

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut?

- A Menjamin kepentingan British
 - B Menjalankan dasar dekolonisasi
 - C Melaksanakan pengasingan kuasa
 - D Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu
28. Bagaimanakah agensi persekutuan berikut melaksanakan kerjasama pembangunan sosioekonomi?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)• Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)• Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) |
|--|

- A Memajukan industri desa
 - B Memulihkan tanah terbiar
 - C Memfokus pembinaan prasarana
 - D Melaksanakan pembangunan wilayah baru
29. Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

Apakah tujuan Sir Malcolm MacDonald dan Sir Gerald Templer mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara?

- I Dekolonisasi
- II Keselamatan
- III Potensi ekonomi
- IV Memajukan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Perjanjian Julai 1963 juga dikenali sebagai Perjanjian Malaysia.

Apakah inti pati Perjanjian Malaysia?

- I Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 16 September 1963
- II Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura, Sarawak dan Sabah
- III Sarawak, Sabah, Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia
- IV Penduduk Bumiputera di Sarawak dan Sabah tidak mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31. Apakah faktor pemisahan Singapura dari Malaysia?

- A Berlaku rusuhan kaum di Singapura pada tahun 1967
- B Singapura tidak menuntut pembukaan pasaran bersama
- C Tanah Melayu mengenakan kadar faedah pinjaman yang rendah terhadap Singapura
- D Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad

32. Apakah usaha yang diambil untuk mengatasi masalah yang timbul akibat peristiwa 13 Mei 1969?

- I Perang Saraf
- II Operasi Ketenteraan
- III Pengisytiharan perintah darurat
- IV Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Pasangan manakah yang betul tentang konsep integrasi nasional dan perpaduan kaum

	Integrasi Nasional	Perpaduan Kaum
A	Permuafakatan antara parti politik	Kerjasama pemimpin pelbagai kaum
B	Hubungan erat antara negeri dengan wilayah	Rakyat hidup bersatu padu

C	Hak bersuara	Keadilan ekonomi
D	Kedaulatan negara terjamin	Keselamatan rakyat terjamin

34. Senarai berikut berkaitan usaha mewujudkan identiti negara.

- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Bagaimanakah agensi di atas mencapai matlamat tersebut?

- A Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- B Pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan
- C Pelaksanaan Prinsip Rukun Negara
- D Pemerkasaan bahasa kebangsaan

35. Antara berikut yang manakah insentif yang diberikan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPR)?

- I Latihan pengurusan harta
- II Pinjaman tanpa faedah
- III Pemberian subsidi
- IV Kemudahan modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36. Apakah manfaat Rancangan Colombo kepada negara anggota Komanwel?

- A Kerjasama ekonomi
- B Bantuan ketenteraan
- C Menentang dasar Aparteid
- D Menangani masalah kemiskinan

37. Maklumat berikut merujuk kepada projek perindustrian berteknologi tinggi di negara kita.

Lokasi	Projek
Raub, Pahang	Stesen Jana Kuasa
Perak, Pulau Pinang	Besi Keluli
Limbungan, Pasir Gudang, Johor	Membaiki Kapal

Apakah agensi yang mengendalikan projek perindustrian tersebut?

- A PETRONAS
- B MIDA
- C HICOM
- D PKEN

38. Deklarasi Kuala Lumpur diisytiharkan dalam Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003 di Malaysia.

Apakah isu yang dibangkitkan dalam deklarasi tersebut?

- I Isu Palestin
- II Isu pelarian
- III Isu Alam Sekitar
- IV Serangan Amerika terhadap Iraq

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39. Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?

- A Kedudukan strategik
- B Kemasukan ramai pelancong
- C Syarat imigresen yang longgar
- D Perkembangan ekonomi Malaysia

40. Siapakah warganegara Malaysia yang layak menerima anugerah berikut?



- A Terlibat dalam misi keamanan
- B Komitmen dalam kesukarelawanan
- C Sumbangan dalam bidang alam sekitar
- D Sukarelawan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

KERTAS SOALAN TAMAT

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2022

SEJARAH KERTAS 1 (1249/1)

SKEMA JAWAPAN

SOALAN	JAWAPAN
1	C
2	B
3	A
4	D
5	B
6	B

SOALAN	JAWAPAN
21	D
22	A
23	C
24	A
25	C
26	B

7	D
8	C
9	D
10	A
11	D
12	A
13	A
14	C
15	B
16	A
17	A
18	D
19	B
20	C

27	A
28	D
29	A
30	C
31	D
32	D
33	B
34	D
35	B
36	D
37	C
38	B
39	A
40	C

Taburan Jawapan:	A = 11	B = 9	C = 9	D = 11
-------------------------	---------------	--------------	--------------	---------------

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(
Guru Mata Pelajaran
SMK

(
Ketua Panitia Sejarah
SMK

(
Ketua Bidang Kemanusiaan
SMK